

18 Julai 2012

## Firdaus merajuk, bersara awal

Mendakwa digantung tidak bertali oleh pengurusan Persatuan Angkat Berat selepas terbabit dalam isu doping, membuatkan pemenang pingat gangsa Sukan SEA Jakarta bagi acara angkat berat, Firdaus Abdul Razak – yang diarahkan memulangkan pingat dimenangnya – mengucapkan selamat tinggal kepada sukan dicintainya itu.

Atlit berusia 25 tahun kelahiran Kangar, Perlis itu mengakui kecewa dengan pengurusan persatuan yang membiarkannya, tanpa menghubungi atau memaklumkan statusnya sejak isu doping dibangkitkan sebaik temasya sukan dwitahunan itu berakhir, November lalu.

“Saya tidak dimaklumkan apa-apa,” kata Firdaus ketika dihubungi mengenai keputusan SEAGF yang meminta beliau – antara tiga pemenang lain yang positif doping – memulangkan pingat yang dimenangi.

*"Jika diikutkan, tanpa sebarang surat, saya masih boleh bertanding". - Firdaus Abdul Razak, Atlit angkat berat*

Menurut Firdaus, dia tidak dihubungi persatuan sama ada memaklumkan hukuman yang dikenakan mahu pun status kariernya sebagai atlit angkat berat negara.

“Selepas berlaku (isu doping berbangkit), mereka (persatuan) hanya memberi kenyataan di dalam akhbar dan kemudian mendiamkan diri. Sehingga kini, saya tidak menerima sebarang hitam putih mengenai status atau pun hukuman saya. Jika diikutkan, tanpa sebarang surat, saya masih boleh bertanding,” katanya.

Firdaus yang mengakui namanya tercemar berikutan insiden sehingga memberi kesan kepada perniagaan membekal peralatan serta mengendalikan pusat kesihatan dan kecergasan, tekad menutup episod duka kariernya sebagai atlit angkat berat negara dan memberi tumpuan kepada perniagaan.

